



Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (24)04/B/PI/668/2 JIL 2

6 September 2023

Semua Pemegang Lesen

**Peniaga Buah Sawit  
Peniaga Minyak/Isirung Sawit  
Bahan Tanaman Sawit/Nurseri Sawit**

Tuan,

**PERINGATAN PENGISIAN MAKLUMAT GUNATENAGA 2023 SECARA ONLINE  
(SISTEM E-GUNATENAGA) BAGI SEKTOR PENIAGA**

---

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas serta surat Lembaga Ruj. (22)/04/B/PI/668/2 JIL 2 bertarikh 1 Ogos 2023 adalah berkaitan.

2. Seperti yang tuan sedia maklum, tempoh pengisian maklumat gunatenaga 2023 secara *online* melalui sistem e-gunatenaga telah berakhir pada **30 Ogos 2023**. Namun begitu, sehingga kini pihak kami masih **belum menerima maklum balas** daripada pihak tuan.

3. Di bawah *Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005* menyatakan, "**Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mematuhi tiap-tiap syarat yang dikenakan berhubung dengan tiap-tiap kategori yang dinyatakan dalam lesen**", dan *Jadual Keenam, Para 5, Syarat-syarat Am Bagi Semua Pemegang Lesen* menyatakan bahawa "**Pemegang lesen hendaklah, dari semasa ke semasa, mengemukakan maklumat dan dokumen yang diminta oleh Lembaga dalam tempoh yang ditentukan oleh Lembaga**".

4. Sementara itu, Peraturan 21(2), peraturan yang sama menyatakan "**Seorang pemegang lesen yang tidak mematuhi atau melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM200,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya**".



5. Sehubungan itu, tuan adalah diberi **PERINGATAN** untuk mengisi maklumat gunatenaga tersebut secara *online* di laman sesawang <https://e-gunatenaga.mpob.gov.my> **SEBELUM ATAU SELEWAT-LEWATNYA PADA 29 SEPTEMBER 2023**. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut, pihak tuan adalah dimohon untuk menghubungi pegawai seperti di Lampiran 1. Kegagalan pihak tuan dalam memberikan maklum balas ke atas bancian yang dijalankan ini, boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan diambil ke atas syarikat tuan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



.....  
**NORFADILAH HASHIM**

Ketua Unit Pembangunan Industri  
Bahagian Ekonomi Dan Pembangunan Industri  
b.p. Ketua Pengarah MPOB

**s.k.** Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan)  
Pengarah Bahagian Ekonomi Dan Pembangunan Industri  
Pengarah Bahagian Pelesenan Dan Penguatkuasaan  
Ketua Unit Penguatkuasaan  
Ketua Pejabat Wilayah

**AKSES UNTUK LAMAN SESAWANG e-GUNATENAGA****(<http://e-gunatenaga.mpob.gov.my>)**

Dimaklumkan bahawa Nombor Lesen dan Kata Laluan untuk mengakses laman sesawang e- Gunatenaga (<http://e-gunatenaga.mpob.gov.my>) adalah seperti berikut:

Nombor Lesen : (Seperti yang diberikan oleh MPOB)

Kata Laluan : 1) **SEPERTI YANG DIGUNAKAN SEMASA PENGISIAN e-GUNATENAGA PADA TAHUN 2022**  
2) **BAGI PEMEGANG LESEN BARU, SILA GUNAKAN 123456**



Anda dinasihatkan supaya menukar Kata Laluan dengan segera selepas mengakses laman **sesawang e-GUNATENAGA**.

**Nama Pegawai Untuk Dihubungi :**

Kategori Peniaga	No. Telefon	Emel
<b>a) <u>Peniaga Buah Sawit</u></b>		
Cik Rohidayati Sukhaila Sabarudin	03-7802 2991	rohidayati@mpob.gov.my
Cik Nurul Mastura Romli (Johor)	03-7802 2816	nurul.mastura@mpob.gov.my
<b>b) <u>Peniaga Minyak &amp; Isirung Sawit</u></b>		
Pn. Nurul Hufaidah Sharif	03-7802 2824	hufaidah@mpob.gov.my
Cik Nurul Mastura Romli	03-7802 2816	nurul.mastura@mpob.gov.my
<b>c) <u>Bahan Tanaman Sawit</u></b>		
Pn. Siti Suziyana Mohd Omar	03-7802 2820	suziyana@mpob.gov.my